



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 48

Isnin

20 November 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Pengembalian Retirement Benefit Scheme (RBS) yang Ditahan oleh KWAP ke atas Pekerja-pekerja LPPS**

– *YB. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh (Sandakan)*

[Halaman 1]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 20 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA
*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

**Pengembalian *Retirement Benefit Scheme* (RBS) yang Ditahan
oleh KWAP ke atas Pekerja-pekerja LPPS**

2.34 ptg.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 17 mengenai ucapan penangguhan kepada Kamar Khas, saya merujuk kepada tajuk yang saya sedia, Mengembalikan *Retirement Benefit Scheme* (RBS) Sebanyak RM5,822,494.82 Yang Ditahan oleh KWAP ke Pekerja-pekerja Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah (LPPS). Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa pihak KWAP enggan melepaskan wang caruman *Retirement Benefit Scheme* (RBS) sebanyak RM5,822,494.82 yang dimiliki oleh bekas pekerja LPPS seramai 164 orang.

Sebagai ringkasan latar belakang, LPPS membeli skim RBS untuk pekerja-pekerja sebagai penggantian EPF pada tahun 1970-an kerana Akta EPF belum dikuatkuasakan di Sabah pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Akta Pencen, meskipun mereka sudah dapat pencen, mereka berkelayakan menuntut wang caruman tersebut kerana skim Pencen ini memberi opsyen persaraan 'A' atau 'B' yang mana bayaran EPF termasuk gratuiti dan pencen bulanan harus dibayar kepada mereka.

Satu surat dari KWSP pada 30 Julai 2007 dengan rujukan nombor KWSP29/1/1-1/6160/07 menunjukkan bahawa pihak KWSP mengarahkan LPPS untuk menyerahkan wang caruman ini kepada KWSP. Ini membuktikan bahawa wang caruman ini adalah pengganti EPF. Surat dari Pengarah JPA pada 10 Oktober 2012 kepada LPPS juga

menerangkan pendapat JPA bahawa wang caruman itu sepatutnya diserahkan kepada KWSP kerana ia adalah sebagai '*Pengganti kepada caruman yang sepatutnya dilakukan oleh LPPS kepada KWSP*'.

Tuan Yang di-Pertua, lain kata, skim RBS didaftar atas nama pekerja-pekerja ini sebagai penggantian sebagai EPF menjelaskan bahawa wang caruman ini dimiliki oleh mereka, apabila EPF mulai berkuat kuasa di Sabah, wang ini sepatutnya diserahkan kepada KWSP. Malangnya, wang ini tersilap diserahkan kepada KWAP.

Untuk mencabar keputusan itu, mereka memfailkan satu saman sivil di mahkamah, tetapi mereka kalah atas sebab teknikal. Apabila kes rayuan difailkan pada Mei 2012, mereka tarik balik rayuan itu atas nasihat Timbalan Ketua Menteri Sabah, iaitu Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan untuk mencari penyelesaian melalui perundingan dengan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, pada 15 Jun 2015, saya pernah bangkit isu ini di Kamar Khas. Kementerian Kewangan menjawab bahawa pihak kerajaan telah memutuskan bahawa sebarang tuntutan bekas kakitangan LPPS perlu dirujukkan kepada JPA untuk tindakan selanjutnya. Selain itu, satu surat yang dikeluarkan oleh JPA bertarikh 16 Mac 2016 menunjukkan bahawa JPA sedang berusaha dengan KWAP untuk memastikan penyerahan wang caruman ini kembali kepada pihak pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, pada 3 Januari 2017, JPA mengumumkan bahawa pengembalian wang caruman kepada bekas pekerja LPPS akan dibuat selewat-lewatnya pada 31 Januari 2017.

Pada Mac 2017, apabila saya tanya Menteri Kewangan II berkenaan status isu ini, beliau memaklumkan bahawa wang caruman ini akan dikembalikan dalam satu minggu. Namun, kerajaan tiba-tiba *U-turn* dalam keputusan ini dengan mengatakan kumpulan ini tidak berkelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kecewa, jika sememangnya kumpulan ini tidak berkelayakan menuntut wang ini, kenapa kerajaan telah setuju dengan pengembalian wang ini beberapa kali. Berapa tahun juga. Ini menunjukkan kerajaan tidak konsisten. Demi keadilan, saya harap agar pihak kerajaan mengembalikan wang caruman kepada kumpulan ini dengan secepat mungkin. Jangan susahkan pekerja-pekerja ini. Sekian, terima kasih.

■1440

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kumpulan Wang

Persaraan Diperbadankan (KWAP) telah meneliti perkara ini dan setelah mengambil kira fakta dan kedudukan di bawah undang-undang, adalah didapati bahawa:

- (i) Caruman dalam Skim RBS hanya melibatkan caruman oleh majikan (dibiayai sepenuhnya oleh majikan) iaitu LPPS sebanyak 20 peratus. Tiada caruman/sumbangan yang dibuat oleh pekerja;
- (ii) Semasa Suruhanjaya Harun diperkenalkan dan skim RBS dibatalkan, pekerja LPPS telah diberi pilihan atau opsyen selaras dengan Akta Pencen 1980 [Akta 227] dan Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239] seperti berikut:
 - (a) Opsyen 'A' (*full pension scheme*), dengan izin, pekerja yang telah berkhidmat 10 tahun atau lebih akan diberi taraf berpencen, yang mana caruman majikan akan dikembalikan kepada kerajaan; dan
 - (b) Opsyen 'B' (*full epf benefits*), dengan izin, pekerja yang belum layak diberi taraf berpencen dikehendaki mencarum kepada KWSP (di samping caruman LPPS selaku majikan) sehingga layak diberi taraf berpencen.
- (iii) dalam hal ini, pekerja LPPS yang memilih Opsyen 'A', caruman majikan sebanyak 17.5 peratus telah dicarumkan kepada kerajaan (KWAP) untuk pembiayaan pencen semasa mereka bersara. LPPS kemudiannya telah mengemukakan hasil atau keuntungan RBS kepada kerajaan iaitu:
 - (a) pada 27 Mac 2006 yang melibatkan jumlah RM1,092,198.14; dan
 - (b) pada 3 Disember 2012 yang melibatkan jumlah RM5,822,494.82
- (iv) manakala, bagi mereka yang memilih Opsyen 'B' iaitu mencarum kepada KWSP, sekiranya mereka masih kekal mencarum di KWSP dan apabila mereka bersara, mereka dibenarkan membuat pengeluaran persaraan dari keseluruhan simpanan mereka yang merangkumi caruman pekerja dan majikan sebagaimana faedah persaraan yang ditawarkan di bawah Skim KWSP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung kenyataan oleh pihak kerajaan, semakan semula mendapati bahawa wang RBS tersebut merupakan wang simpanan persaraan pekerja LPPS yang dibiayai sepenuhnya oleh LPPS selaku majikan. Selaras dengan pengenalan skim pencen badan berkanun dan tempatan melalui Suruhanjaya Harun, bahagian syer majikan bagi Opsyen 'A' dikehendaki dipulangkan kepada kerajaan.

Dengan kata lain, tindakan LPPS menyerahkan wang RBS tersebut yang merangkumi bahagian syer majikan kepada KWAP adalah teratur selaras dengan keperluan undang-undang di bawah Seksyen 8, Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239] dan Seksyen 13 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662].

Pada 22 Mac 2010, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, Kota Kinabalu juga telah memutuskan untuk menolak tuntutan daripada pekerja-pekerja ini. Oleh yang demikian, tiada bahagian pekerja yang belum diagihkan seperti mana tuntutan yang dinyatakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 21 November 2017. Terima kasih.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.45 petang]